

25 MAR 2000

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN BANGLADESH

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Bangladesh, Shahabuddin Ahmed, sempena Hari Kemerdekaan negara itu hari ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Sheikh Hasina.

"Saya yakin bahawa walaupun pelbagai cabaran, dan tugas berat, Puan dapat memimpin Bangladesh ke arah pembangunan dan kemakmuran yang berterusan," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar Bangladesh Abdus Samad Azad.

"Saya gembira mendapati bahawa Malaysia dan Bangladesh terus menikmati hubungan dua dan kerjasama yang rapat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan komitmen saya untuk mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara," kata beliau.

-- BERNAMA

APG FAZ